

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Kenyataan Akhbar
Press Release


3091 pelajar terima tawaran sambung pengajian di UNIMAS

5 Oktober 2022, KOTA SAMARAHAN – Majlis Ikrar Pelajar (MIP) bagi pelajar baharu Semester 1, 2022/2023 telah berlangsung di Detar Putra, Universiti Malaysia Sarawak. Majlis ini telah dihadiri oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UNIMAS, Ybhg Tan Sri Datuk Seri Panglima Sulong bin Matjeraie dan Naib Canselor UNIMAS, Ybhg Prof Datuk Dr Mohd Kadim Suaidi.

Beberapa pengisian program telah dijalankan sepanjang 3 hari Minggu Aluan Pelajar yang dikendalikan sepenuhnya oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan melibatkan seramai 315 Liaison Officer (LO), Majlis Pelaksana dan Lembaga Pengarah.

Antara pengisian program yang telah dilakukan melibatkan Hari Bersama Fakulti, Pengenalan Kelab dan Persatuan, Taklimat bersama PTPTN selain aktiviti bersama pihak pengurusan Kolej. Pada sebelah malam ini pula, Semarak Kesarjanaan Mahasiswa dan Malam Rumpun Budaya akan diadakan.

Kehadiran pelajar baharu ini sangat bermakna kepada warga Universiti apabila bermula semester 1, 2022/2023 kelas akan diadakan secara fizikal (bersemuka). Seramai 3091 orang pelajar telah menerima tawaran untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi di UNIMAS.



10 Oktober 2022

Chancellory Division
Universiti Malaysia Sarawak
94300 Kota Samarahan
Tel +60 82 582 401
Fax +60 82 665 088
Emel: azadnurlisa@unimas.my

U N I M A S